



AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	30/11/2019	MUKA SURAT	:	66
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perparitan tersumbat dikenal pasti punca

Seremban: Keadaan sungai yang tidak mampu menampung aliran air ketika hujan lebat ditambah dengan sistem perparitan tersumbat, dikenal pasti sebagai punca utama banjir sering melanda di beberapa kawasan sekitar Jelevu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir, berkata menyedari punca itu, kerajaan negeri sudah mengarahkan jabatan dan agensi kerajaan berkaitan mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani masalah terbabit pada masa hadapan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, masalah banjir di Jelevu bukan perkara baharu, malah pelbagai kerja menaik taraf sistem perparitan dan di kawasan sungai sudah dilaksanakan pelbagai pihak sebelum ini.

"Tidak dinafikan, ada beberapa kawasan di Jelevu kerap berlaku banjir. Ia disebabkan tindakan bersepadu tidak dirancang sebelum ini supaya dapat mencari penyelesaian yang lebih berkesan.

"Untuk penyelesaian jangka pendek, kita sudah meminta pihak berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk terus memantau aliran sungai supaya ia tidak terhalang serta memastikan sistem perparitan di kawasan ini tidak tersumbat.

"Selain itu, kami juga meminta kerjasama orang ramai terutama penduduk untuk menjaga kebersihan alam sekitar dan memastikan sampah tidak dibuang ke dalam sungai atau longkang supaya ia tidak tersumbat," katanya kepada *BH*.

Bakri turut meminta orang ramai merujuk Katalog Banjir Negeri Sembilan yang dilancarkan JPS Negeri Sembilan untuk mengenal pasti kawasan tumpuan dan berpotensi mengalami banjir sekiranya berlaku hujan lebat.

Sebelum ini, JPSNS mendedahkan 113 kawasan tumpuan banjir dikenal pasti di negeri ini yang mana semua data itu direkodkan dalam katalog berkenaan.

Beliau berkata, katalog itu juga menyenaraikan punca permasa-



Masalah banjir di Jelevu bukan perkara baharu, malah pelbagai kerja menaik taraf sistem perparitan dan di kawasan sungai sudah dilaksanakan pelbagai pihak sebelum ini.

Bakri Sawir,
Pengerusi Jawatankuasa
Pertanian Dan Industri Asas
Tani Negeri Sembilan

lahan banjir kawasan tertentu, selain memberitahu kerja menaik taraf yang siap atau sedang dilaksanakan dalam menangani masalah banjir.

"Segala rekod yang dibukukan itu adalah berdasarkan kejadian lama dan sudah diguna pakai sejak Mac lalu, malah sudah terbukti keberkesanannya.

"Sekiranya berlaku hujan melebihi 60 milimeter (mm) sejam, kita akan hantar amaran kepada pasukan keselamatan untuk bersiap sedia dan bergegas ke lokasi terjejas.

"Maklumat yang ada dalam katalog ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan ketepatan data pada masa akan datang serta membantu mengesan kawasan berpotensi banjir berdasarkan rekod taburan hujannya," katanya.



Aliran sungai yang terhalang dengan sampah sarap dikenal pasti punca sistem perparitan di Kampung Juntai tersumbat.